

05 FEB 2002

Malaysia-Isteri/I

WARGA M'SIA SEDIH DENGAN KEHILANGAN ISTERINYA DALAM SERANGAN 11 SEPT

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 5 Feb (Bernama) -- Warga Malaysia Lee Kim Liong tidak pernah terfikir yang perbualan telefon hariannya dengan isterinya, Ang Siew Nya, yang bekerja di World Trade Centre, adalah yang terakhir pada 11 Sept tahun lepas.

"Dia akan telefon setiap hari pada pukul 8 pagi untuk bertanyakan mengenai dua anak kami sebelum mereka pergi ke sekolah dari pejabatnya di paras 95 di WTC. 11 Sept adalah panggilan yang terakhir," kata Lee di memorial sementara dekat Ground Zero, tapak di mana dua pesawat yang dirampas melanggar menara berkembar di New York itu.

Sambil menahan sendu, Lee melihat tapak di mana isterinya pernah bekerja dengan sebuah syarikat yang dipanggil Marsh USA Inc, sebuah syarikat broker insurans.

Apa yang masih tinggal di tapak WTC itu ialah serpihan harta benda dengan kerja-kerja menggorek diteruskan bagi mencari mayat mangsa dan barangan lain yang bernilai. Beberapa lori pembuang bersiap sedia untuk mengambil mayat bagi siasatan selanjutnya di Staten Island yang berdekatan.

Lee, 40, yang bekerja di sebuah syarikat perdagangan di New Jersey, mengimbas kembali tragedi hitam September itu.

"Bila saya dapat tahu mengenai berita buruk itu saya terus berlari ke telefon dan menghubungi dia, tetapi semua talian telah terputus. Saya cuba pergi ke Manhattan tetapi semua jalan dan jambatan ditutup. Hanya pada hari ketiga saya berjaya pergi ke sana. Tetapi saya diberitahu bahawa dia dan beribu lagi yang lain telah hilang."

Ang, mendiang isterinya, meninggalkan dua anak perempuan -- berumur 4 dan 8 tahun -- yang sedang belajar untuk membesar tanpa ibu mereka.

"Yang sulung banyak membantu. Dia menjaga adik perempuannya," kata Lee semasa beliau menunggu ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, ke tapak itu.

Tiga rakyat Malaysia tertimbus dalam runtuhan di tapak itu bersama-sama hampir 3,000 yang lain.

Ground Zero itu dipenuhi dengan memorabilia dan gambar yang diletakkan oleh anggota keluarga dan rakan-rakan mangsa. Terdapat satu kad yang menyatakan "Happy Anniversary to my husband" (Selamat ulangtahun perkahwinan kepada suami ku) dengan kek ulangtahun yang masih tinggal separuh dibungkus dalam kertas aluminium.

Satu lagi ialah sekeping gambar seorang anak muda yang berumur dalam lingkungan 30an dengan kata-kata: "This is my dady (sic) - Mike Wholey - I love him" (Ini adalah bapa saya - Mike Wholey - Saya sayangkannya). Surat itu disertai dengan gambar hati berwarna merah dan hati berwarna hitam.

Terdapat banyak lagi yang menyayat hati -- sebaris patung beruang, bidadari yang diperbuat daripada kertas, topi anggota bomba, lilin yang dinyalakan di merata tempat, gambar-gambar dan lebih banyak lagi gambar mangsa. Setiap gambar mempunyai satu kisah sedih yang pasti akan memilukan hati anda.

Pada dinding memorial itu tertera: "In memory of the international victims of the World Trade Center attack. Sept 11, 2001." Bendera negara-negara yang mangsa berasal dilukis pada dinding itu yang kini dipenuhi dengan ucapan takziah daripada pelawat.

Dr Mahathir dan isterinya kelihatan amat terharu dengan pemandangan itu. Perdana Menteri turut diberikan taklimat ringkas oleh pegawai dari pejabat Datuk Bandar New York. Dan beliau turut menulis ucapan takziah di

tepi bendera Malaysia.

Dr Mahathir, yang jelas amat sedih dengan tragedi itu, berharap perkara seumpama itu tidak akan berlaku lagi kerana semua mangsa, termasuk dari Malaysia, tidak bersalah.

"Selepas melihat tempat ini, saya berasa lebih hampir dengan kejadian itu ...sukar untuk faham bagaimana orang boleh melakukan perbuatan sebegini. Saya benar-benar sedih...lebih dahsyat lagi apabila melihat gambar (di tv) orang-orang yang terjun dari tingkap dan terbunuh," katanya.

Asap tebal yang menyelubungi kawasan itu telah tiada. Tetapi tiupan angin akan menerbangkan habuk dan juga bau mayat.

Semoga May Ang dan beribu mangsa di Ground Zero bersemadi dengan aman.

-- BERNAMA

SH AHH RHM